

( )

...  
ما هي أهمُّ وظيفةٍ ورسالةٍ يجب أن تقوم بها المرأة المسلمة  
في الحياة؟ :  
-

الشواهدُ تؤكدُ أن بعضَ الأمهاتِ يَضَعْنَ التَّجهيزاتِ الماديَّةَ على  
قائمةِ الأولوياتِ

)

( ) : " لو كُنتُ امِراً أحداً أن يسجدَ لأحدٍ لأمرتُ الزَّوجَةَ أن  
تَسجُدَ لِزَوْجِهَا".

**Bagaimana Menjadi Isteri Yang Soleh**

Apabila seseorang mencari sesuatu jawatan sekarang ini, dia mesti mempunyai pengkhususan akademik yang mendalam dan sijil serta beberapa pengalaman supaya dia menjadi lebih proaktif dalam tugas yang akan disandar kepadanya nanti. Tetapi –pada pendapat anda- apakah tugas dan peranan yang paling penting yang perlu dilakukan oleh seorang wanita muslimah dalam kehidupan ini? Anda pasti akan berkata seperti saya : Sesungguhnya ia adalah tugas sebagai seorang isteri atau seorang ibu. Maka adakah –pada pandangan anda- gadis-gadis sekarang melakukan persediaan yang baik untuk tugas ini? Apakah dia asas-asas pendidikan dan pengetahuan yang diajukan kepada mereka melalui keluarga atau bidang pengajian atau media masa? Adakah si ibu meletakkan dalam senarai keutamaannya cara-cara menyediakan anak gadisnya supaya menjadi suri rumah sesebuah keluarga?

Bukti menunjukkan bahawa sesetengah ibu meletakkan kelengkapan kebendaan di awal senarai keutamaan mereka. Mereka berusaha membeli perabut-perabut rumah dan sesetengah perlatan untuk anak gadis mereka sejak kecil lagi. Sesetengah ibu pula memberi keutamaan supaya anak gadis mereka bertungkus lumus mempelajari sains supaya mendapat sijil (senjata) yang akan menyelamatkan mereka pada masa hadapan. Ramai ibu membiarkan anak gadis mereka menjadi mangsa media masa atau pandangan-pandangan yang mendorong anak-anak gadis menentang kaum lelaki. Kadang kala anak gadis mereka hanyut menonton filem-filem atau membaca majalah wanita yang beracun atau cerita-cerita yang karut (lucah).

Kesan akhirnya anda akan dapati ramai gadis hari ini –setelah melepasi umur 25 tahun- masih belum mengetahui dengan baik tanggung jawab sebagai isteri atau ibu yang bertanggung jawab untuk mendidik generasi. Sesungguhnya adalah menjadi titik tolak bahawa wanita adalah pengurus dalam rumah tangga nya dan bertanggung jawab tentang anak-anak di bawah jagaannya.

Marilah kita mengingati bersama sebuah hadis Rasulullah s.a.w. tentang adab bermuamalah dengan suami dan kewajipan mentaatinya ; Baginda bersabda : “Sekiranya aku boleh menyuruh seseorang itu sujud kepada seseorang yang lain, nescaya aku akan suruh seseorang isteri sujud kepada suaminya”.

( ) \_\_\_\_\_ -

-1

-2

-3

-4

-5

( ) \_\_\_\_\_ -6

( ) \_\_\_\_\_ :

-: